

Praktis **1**

Isi tempat kosong dengan penjodoh bilangan yang sesuai.

jambak

bilah

gulung

buah

kawan

- 1 Kaveri membeli se_____ jam tangan dari kedai itu.
- 2 Sempena Hari Guru, Lina menghadiahkan se_____ bunga ros kepada cikgu kesayangannya.
- 3 Norlina membeli se_____ tikar untuk diberikan kepada ibunya.
- 4 Ibu menggunakan se_____ pisau untuk memotong daging.
- 5 Se_____ burung yang berbulu biru itu terbang tinggi di udara.

Praktis 2

Isi penjodoh bilangan yang sesuai bagi melengkapi cerita di bawah.

Pada cuti sekolah yang lalu, sekolah saya telah mengadakan satu lawatan ke Zoo Negara.

Lawatan ini disertai oleh beberapa (1) _____  murid dan guru. Ibu telah

menyediakan (2) _____  kasut baharu dan (3) _____ 

payung untuk saya. Kami bertolak pada pukul 7.00 pagi dengan menaiki (4) _____



bas yang disewa khas. Kami tiba di Zoo Negara pada pukul 8.00 pagi.

Di dalam zoo terdapat pelbagai jenis binatang seperti singa, gajah, zirafah, monyet, burung dan sebagainya. Binatang liar dikurung di dalam sangkar sementara binatang jinak dibiarkan bebas.

Suasana di dalam zoo riuh-rendah dengan bunyi binatang dan kicauan burung. (5) _____



rusa sedang memakan rumput yang diberikan oleh penjaga di Zoo Negara.

Kami sempat menyaksikan satu pertunjukan gajah dan ular di Zoo Negara. Kami gembira melihat beberapa (6) _____  gajah bermain bola dan ular menari mengikut

bunyi serunai. Saya sempat mengambil beberapa (7) _____  gambar sebagai

kenang-kenangan.

Selepas itu, kami berehat seketika di (8) _____  pondok yang disediakan

khas untuk pelawat. Cikgu telah membelikan kami (9) _____  air sirap dan

(10) _____  kuih untuk mengisi perut.

Pada pukul 5.00 petang, kami bertolak pulang. Walaupun penat kerana seharian menghabiskan masa berjalan-jalan di sekitar Zoo Negara, namun raut wajah riang kami kelihatan terpancar.